

BAB I

PENDAHULUAN

News is a major register of language. Understanding how it works is important to understanding the functioning of language in society (Allan Bell, 1998:65).

Laporan berita merupakan laras bahasa yang utama. Memahami ciri-ciri laras bahasa tersebut amat mustahak untuk memahami fungsi bahasa dalam masyarakat berkenaan (terjemahan penulis).

1.0. Masalah dan Latar Belakang Kajian

Penggunaan komputer sebagai alat penyebaran maklumat kini telah berjaya membuka zaman baru dalam sejarah perkembangan tamadun manusia. Dewasa ini dapatlah kita katakan bahawa *homo sapiens* telah berjaya membentuk masyarakat berinformasi atau boleh juga dianggap sebagai masyarakat media. Dengan demikian, istilah-istilah seperti 'information society', 'network society', dan 'media society' merupakan kata kunci utama untuk menjelaskan ciri-ciri masyarakat moden (Sam Inkinen, 1999:v).

Tidaklah mustahil bahawa pengaruh perkembangan teknologi canggih dalam media laporan dalam masyarakat moden kini cukup besar sehingga dapat menggoncangkan lingkungan komuniti budaya tradisi yang sekian lama membiasakan diri mereka dengan peralatan media yang kolot. Cara pemikiran kita, cara kegiatan kita sehari-hari dan cara mempertahankan kehidupan kita kini berhubung kait dengan inovasi teknologi tinggi dan perkembangan budaya media moden.

Dengan perkataan lain, media sebagai sistem penyampaian maklumat semakin berperanan penting dewasa ini dalam membentuk cara pemikiran, gaya hidup serta perkembangan budaya masyarakat kini. Sehubungan itu, kita dapat perhatikan pendapat di bawah ini;

The predominant language of computer-mediated communication (CMC) is English, not only in those parts of "cyber-space" mainly frequented by native speakers of English, but also as a lingua franca in most other parts of the net world (Herwig G. Holler 1999:321).

Pendapat tersebut memberi tumpuan kepada peranan bahasa yang berkaitan dengan media yang berteknologi tinggi, seperti penggunaan komputer dalam komunikasi. Memang benar bahawa bahasa media sangat penting dan tersebar di kalangan masyarakat. Perkembangan tersebut sangat mustahak untuk memahami fakta bahawa sesuatu bahasa berkenaan berperanan penting dalam masyarakat moden dan mengetahui bahawa bahasa tersebut mempengaruhi persepsi atau tanggapan seseorang terhadap orang lain atau diri sendiri. Selain itu, perkara tersebut juga sangat penting untuk membolehkan kita memahami bagaimana sesuatu bahasa terhasil dan dibentuk oleh nilai-nilai tertentu. Oleh itu, media sering dianggap sebagai sumber makna yang terpenting di dalam masyarakat bahasa berkenaan.

Berhubung dengan perkara tersebut, Allan Bell (1998:650) mendakwa bahawa berita merupakan bidang laras bahasa yang utama. Oleh hal yang demikian, media merupakan medium utama dalam memahami fakta bahawa sesuatu laporan berita memainkan peranan penting bagi memaparkan fungsi sesuatu bahasa di dalam sesebuah masyarakat. Demikian pula, Roger Fowler pernah mengajukan pandangan serupa mengenai perkara tersebut dengan mengatakan bahawa;

News is not a natural phenomenon emerging straight from 'reality', but a product. It is produced by an industry, shaped by the bureaucratic and economic structure of that industry, by the relations between the media and other industries and, most importantly, by relations with government and with other political organizations. From a broader perspective, it reflects, and in return shapes, the prevailing values of a society in a particular historical context (Roger Fowler, 1991:222).

Menurut Fowler, laporan berita bukan merupakan suatu realiti tetapi merupakan suatu produk. Oleh sebab itu, laporan berita terhasil melalui proses dan pengolahan industri seperti halnya produk-produk industri yang lain. Dengan demikian, berita membayangkan dan memberi gambaran tentang bentuk nilai yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat dalam konteks yang sebenarnya. Oleh itu, latar belakang penulisan kajian ini berlandaskan dakwaan-dakwaan tersebut.

1.1. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis laras bahasa, iaitu laras bahasa media secara am dan laras laporan berita secara khusus yang terdapat dalam akhbar Berita Harian(BH). Analisis laras bahasa ini bertumpu terutama kepada ciri-ciri khas tajuk berita yang merupakan **intipati** laporan berita. Untuk tujuan kajian ini kita menganggap tajuk berita sebagai **simbol visual** terhadap isi kandungan laporan berita. Oleh itu, tajuk berita wujud dalam berbagai-bagai bentuk dan gaya semiotik.

Pada hakikatnya bahasa tajuk berita dalam surat khabar mencerminkan tanggapan tentang pengertian yang kita alami dalam dunia kehidupan di sekeliling kita. Jelasnya, tajuk berita merupakan suatu gambaran asbtrak tentang realiti dan menterjemahkannya ke dalam sistem

lambang-lambang atau kod-kod tersendiri. Sesuatu tajuk berita mengandungi maksud atau tujuan yang tersendiri bergantung kepada kelaziman dalam penggunaan kosa kata tertentu. Oleh sebab itu, dalam usaha kita mengenal pasti makna yang terkandung dalam tajuk berita, kita perlu terlebih dahulu memahami ciri-ciri bahasa tajuk berita.

Sesebuah tajuk berita pada hakikatnya dapat menunjukkan bahawa sesuatu berita yang hendak dibaca adalah penting dan menarik. Secara prinsipnya, dengan meneliti tajuk berita seseorang akan dapat membuat tanggapan dan memahami secara umum mengenai kandungan laporan berita. Dengan kata lain, apabila sesuatu tajuk berita dibaca oleh pembaca, maka wajarlah para pembaca menginterpretasikan makna yang tersirat dalam tajuk berita tersebut. Berkaitan dengan perkara tersebut Allan Bell menjelaskan bahawa;

News content is not independent of its expression, and we can only hope to have a clear understanding of the nature of news content by close analysis of the news text (Allan Bell 1998:65).

Sehubungan dengan pandangan tersebut, harus disedari bahawa makna yang terhasil dalam proses pembacaan berita tersebut ialah hasil interaksi atau negosiasi di antara pembaca dan teks laporan. Justeru, kajian ini antara lain bertujuan menganalisis ciri-ciri khas aspek linguistik dan bukan linguistik dalam bahasa laporan berita, khususnya bahasa tajuk berita, misalnya aspek leksikal, nahu dan makna. Di samping itu, aspek-aspek lain, seperti nominalisasi penggunaan kata-kata leksikal dan juga ciri-ciri struktural dalam tajuk berita merupakan sebahagian daripada aspek yang diberi tumpuan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga akan memberi tumpuan bagi menghuraikan aspek transitiviti dan metafora dalam tajuk berita. Dalam hal ini, kedua-dua aspek tersebut dilihat dalam konteks pengertian yang lebih

luas, dan tidak terhad kepada pengertian dalam konteks tradisional. Pada umumnya aspek-aspek tersebut merujuk kepada bagaimana makna dapat dijelaskan atau digambarkan di dalam suatu struktur ayat. Ia juga menunjukkan bagaimana seseorang penutur menyampaikan gambaran mental tentang realiti melalui bahasa dan bagaimana mereka menggambarkan pengalaman mereka terhadap dunia di sekeliling mereka.

Menjalankan analisis terhadap tajuk-tajuk berita, khususnya topik-topik berita dalam BH, membolehkan kita mengenal pasti kebenaran serta keberkesanan dalam penyampaian sesuatu laporan. Ini kerana tajuk-tajuk berita merupakan catatan yang tepat mengenai sesuatu perkara atau peristiwa dan juga merupakan sumber maklumat yang berkesan dan konsisten. Hal ini tidak terkecuali terdapat pada surat khabar BH, sejak diterbitkan berpuluh-puluh tahun yang lalu.

1.2. Kepentingan dan Faedah Kajian

Tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan kita kini dilingkungi oleh berbagai-bagai sumber maklumat atau berita. Melalui laporan berita, mahu tidak mahu kita memperoleh pelbagai laporan serta gambaran tentang pelbagai kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekitar kita setiap hari. Sehubungan itu, perlu kita ingat bahawa setiap berita pada hakikatnya ditentukan oleh nilai-nilai tertentu. Demikian pula berita dapat dibezakan dan digolongkan berdasarkan jenis atau ciri bahasa yang digunakan di dalam penyampaian berita tersebut. Oleh itu, pembaca atau pendengar akan dapat mengenal pasti bahawa kaedah atau cara penggunaan bahasa dalam penyampaian laporan berita tentu akan memberi kesan terhadap isi kandungan laporan berita yang kita peroleh di dalam media.

Oleh itu, analisis laporan berita merupakan suatu kajian yang sangat penting dan berpengaruh di dalam masyarakat kita. Hal ini sebagaimana dijelaskan di bawah ini:

Media are the system being able to influence our semantics. This means understanding them as some kind of meaning-creating gestures, being in a way a part of language (Werner Konitzer, 1999:79).

Dakwaan tersebut berhubung kait dengan kepentingan kajian laras bahasa media secara amnya mahupun laras tajuk berita khususnya. Walaupun ruang lingkup kajian ini dihadkan kepada penganalisan secara sinkronis mengenai ciri-ciri laras bahasa tajuk berita (Berita Harian 1996-1997), namun hasil penelitian ini sememangnya berhubung kait dengan kajian-kajian dalam bidang lain juga termasuk dalam bidang pengajaran bahasa.

Sehubungan itu, kepentingan kajian ini dapat dilihat dari dua sudut, iaitu yang pertama ialah dalam bidang pengajaran bahasa dan yang kedua ialah dalam bidang bahasa media.

Pengajaran bahasa asing secara khususnya merangkumi pengajaran semantik yang sangat rumit. Dengan perkataan lain, mempelajari bahasa asing bukanlah bererti sekadar menghafal perkataan-perkataan ataupun ayat dan idiom bahasa asing berkenaan. Akan tetapi para pelajar bahasa asing harus cekap memahami wujudnya kelainan atau variasi bahasa dalam konteks bahasa yang berlainan, iaitu laras bahasa. Dalam hal ini perlu kita ingat sekali lagi tentang kelebihan teks bahasa media berbanding dengan teks-teks yang lain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Berhubung dengan perkara tersebut, Allan Bell (1995:23) memberikan empat alasan utama tentang kelebihan-kelebihan teks media, iaitu seperti yang berikut;

- 1) Media are a rich source of readily accessible data for research and teaching.
- 2) Media usage influences and represents people's use of and attitudes towards language in a speech community.
- 3) Media use can tell us a great deal about social meaning and stereotypes projected through language and communication: for example in the use of foreign language in advertisements.
- 4) Media reflect and influence the formation and expression of culture, politics and social life.

Pendek kata, media dapat berperan dalam mempengaruhi pembentukan dan pernyataan budaya, politik dan kehidupan masyarakat secara menyeluruh. Dengan perkataan lain, teks media termasuk tajuk berita laporan secara khususnya dapat dijadikan bahan pengajaran yang sangat penting.

Dengan demikian, bagi mempersiapkan pelbagai jenis bahan untuk pengajaran bahasa, khususnya dalam bidang pengajaran semantik, maka sudah tentu sangat diperlukan berbagai-bagai kajian terutama mengenai aspek-aspek bahasa yang mempunyai kaitan dengan konteks sosiobudaya masyarakat. Bagaimanapun, seperti yang diuraikan sebelumnya, buat masa ini tidak terdapat banyak kajian atau perbahasan yang bersifat ilmiah yang telah dilakukan berdasarkan perspektif sosiobudaya atau semiotik sosial bagi melihat kesan atau pengaruh penggunaan serta ciri bahasa media.

Melalui penjelasan yang diberikan dapat kita simpulkan bahawa bahasa media dapat menyediakan data yang relevan dan sesuai terhadap pelbagai persoalan penting. Hal ini memang wajar jika kita beranggapan bahawa proses menghasilkan berita tidak terasing daripada penggunaan

bahasa. Perkara ini bermakna bahawa kita dapat menyatakan sesuatu pengertian atau maksud melalui wahana bahasa melalui peringkat-peringkat tertentu, umpamanya proses mengarang dan mengedit yang dilakukan oleh wartawan atau pemberita. Keadaan ini membolehkan seseorang menghasilkan gaya penulisan serta pengolahan yang menarik dan berkesan di dalam wacana penulisan.

Oleh sebab itu, menurut Asmah (1988) dalam penulisan laporan berita secara amnya atau penulisan tajuk berita secara khususnya, teknik kebahasaan diperlukan. Teknik ini merupakan kaedah penggunaan bahasa untuk tujuan menarik atau memujuk para pembaca laporan berita. Hal ini berlaku bukan hanya kerana masalah kendala ruang halaman akhbar melainkan juga kerana hakikat laras bahasa tajuk berita.

Dalam mana-mana akhbar, yang menjadi penambat mata yang utama, selain daripada gambar, ialah tajuk berita. Sungguhpun tajuk berita ditulis dengan grafik yang dengan mudah menangkap mata pembaca, tetapi yang mempunyai daya penarik yang lebih daripada semuanya itu ialah mesej atau berita yang terkandung dalam tajuk tersebut (Asmah: 1988).

Dakwaan ini mengandungi implikasi bahawa kajian laras bahasa laporan menjadi sebagai sumber maklumat yang penting yang melibatkan juga perkembangan penyelidikan dalam bidang ilmu semiotik sosial.

Memang benar bahawa media kaya dengan sumber maklumat. Demikian pula data teks media secara perbandingannya mudah diperoleh untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran. Di samping itu, kelebihan data teks media terletak kepada pengaruh penggunaan dan peranannya di dalam masyarakat bahasa berkenaan. Penggunaan media boleh mempengaruhi serta menggambarkan peri laku serta sikap manusia melalui pemakaian bahasa di dalam sesuatu komuniti penutur.

Analisis ini tentunya akan dapat membuat penilaian secara ilmiah berhubung keberkesanan dari segi pelaporan berita di dalam surat khabar tersebut. Hal ini juga ada kaitan dengan pengaruhnya terhadap minat dan kecenderungan masyarakat memilih surat khabar BH sebagai akhbar harian utama untuk dibaca. Selain laporan berita yang disampaikan, tajuk-tajuk berita dianggap mempunyai implikasi yang besar dalam mempengaruhi pembaca.

1.3. Batasan Kajian

Penulis membataskan bahan kajian ini kepada analisis tajuk berita. Adalah disedari bahawa sesuatu tajuk berita merupakan simbol yang mewakili berita yang dilaporkan dan ia memperlihatkan identitinya sebagai suatu hasil penerbitan massa (Kniffka, 1980:41).

Data untuk kajian ini dikumpulkan daripada teks bahasa media, iaitu akhbar BH yang diterbitkan di antara bulan Januari tahun 1996 hingga bulan Disember tahun 1997, iaitu untuk tempoh selama dua tahun. Penulis memilih untuk meneliti tajuk-tajuk berita dalam surat khabar BH disebabkan surat khabar tersebut merupakan yang paling popular di kalangan pembaca pada masa itu. Dari segi tempoh masa selama dua tahun, iaitu dari tahun 1996 hingga 1997 pula merupakan tempoh penulis menetap di Malaysia sewaktu bertugas di Universiti Malaya. Jadi, penentuan tempoh berkenaan mengambil kira tempoh dua tahun penuh penulis dapat mengumpul korpus kajian bagi penulisan tesis ini.

Data-data yang terkumpul bagi tempoh tersebut digunakan untuk menjelaskan ciri-ciri laras bahasa media secara amnya serta ciri-ciri khas laras tajuk berita secara khususnya. Melalui kajian yang dijalankan ini, bolehlah kita membuat perbandingan tentang bentuk dan struktur tajuk berita dalam laporan berita dengan jenis atau bentuk laporan yang lain.

Melalui kajian ini pula tajuk berita dilihat sebagai kelainan bahasa yang digunakan dalam bidang persuratkhabaran. Hal ini bermakna bahawa bahasa dalam konteks media moden, secara realiti tidak hanya dilihat dari segi kelainan atau perbezaan ciri linguistik tradisional di antara aspek-aspek wacana dan teks, semata-mata, umpamanya ciri bahasa lisan dan tulisan, malah ia harus dilihat dalam konteks yang lebih luas. Dalam kajian ini penulis memberi tumpuan yang lebih kepada pengertian teks sebagai sumber makna bahasa. Dengan demikian, di samping teori linguistik, kajian ini juga akan melibatkan teori-teori bukan linguistik, antaranya ialah melibatkan teori sosiologi dan komunikasi. Dalam hal ini, kita perlu memberi perhatian terhadap pandangan-pandangan seperti berikut ini;

More than sixty years on, Edward Sapir's profound insights, several of which serve as epigraphs to this book, have lost none of their validity or importance: first, that "language is a symbolic guide to culture (Sapir 1949:162); second, that "vocabulary is a very sensitive index of the culture of a people" (27); and, third, that "linguistics is of strategic importance for the methodology of social science" (166) (Anna Wierzbicka 1997: 1).

Pakar ilmu linguistik antropologi tersebut cuba menghuraikan aspek budaya masyarakat daripada lima buah negara (Amerika Syarikat, Rusia, Poland, Jerman dan Jepun) melalui kajian leksikal. Dengan demikian beliau memperlihatkan hubungan yang erat di antara budaya masyarakat masing-masing dengan bidang leksis bahasa berkenaan. Kajian serupa ini dapat mengingatkan kita kembali kepada suatu hakikat yang penting, iaitu perkataan tidak mungkin berdiri sendiri sebagai unit terasing atau tersendiri dalam konteks bahasa.

Bagi meneliti hal-hal tersebut, perlu kita mentakrifkan konsep dan makna tajuk berita sebagai pedoman utama untuk kajian ini.

- 1) tajuk laporan dipilih kerana tajuk ini ditulis untuk menarik perhatian para pembaca
- 2) tajuk laporan dibuat untuk meringkaskan isi kandungan berita
- 3) susun atur tajuk berita dibuat berdasarkan prinsip produksi berita

Perkara ini sangat penting kerana makna tentang tajuk laporan akan berbeza-beza tergantung kepada jenis media masing-masing. Sebagai contoh, kadang kala dalam bidang penyiaran, tajuk berita kemungkinan tidak hadir bersama secara keseluruhan atau mungkin dimasukkan pada bahagian permulaan dan/atau di bahagian akhir program berita dalam bentuk yang lebih panjang.

1.4. Kerangka Kerja Teoretis


Tidak dapat dinafikan bahawa sesetengah analisis memperoleh banyak faedah daripada hubungan rapat dengan bidang analisis linguistik. Walaupun demikian, kebanyakan huraian yang dibuat terhadap hasil kajian mengenai bahasa media setakat ini sering kali menimbulkan kekeliruan dan bersifat stereotaip. Hakikatnya, sesuatu analisis mungkin akan lebih mengelirukan atau tidak meyakinkan jika analisis terhadap bahasa dilakukan dengan menggunakan kaedah yang tidak sesuai atau lemah. Hasil-hasil kajian terhadap laras bahasa di kalangan pengkaji tempatan dalam tahun-tahun belakangan ini pula tidak terkecuali daripada fenomena tersebut.

Untuk menjalankan perbandingan terhadap perbezaan-perbezaan hasil atau keputusan daripada analisis data yang diperolehi, penulis akan menggunakan pendekatan statistik. Penggunaan pendekatan statistik tersebut dapat merupakan suatu sokongan terhadap deskripsi tatabahasa tajuk berita yang lebih bermanfaat. Di samping itu, kajian ini dibuat berdasarkan gabungan teori di antara bidang linguistik dan bukan linguistik.


Pada umumnya, analisis kajian ini juga dilakukan dengan menggunakan teori asas analisis laras yang bersifat sosiolinguistik saranan Ure dan Ellis (1977, 1982) dan juga teori yang bersifat semiotik sosial saranan Firth (1957) dan dikembangkan oleh Halliday (1978). Huraian dilakukan berdasarkan kerangka asas skema analisis laras kedua-dua teori tersebut.

Manakala ubah suai skema analisis laras berdasarkan acuan Firth (1957) dan Halliday (1978) pula dapat ditunjukkan seperti di bawah ini.

Rajah 1 : Ubah suai skema analisis laras berdasarkan acuan Firth (1957) dan Halliday (1978)



Rajah 2 : Ubah suai skema analisis laras berdasarkan acuan Ure dan Ellis (1977)



Halliday (et. al, 1964) pada tahap permulaan kajiannya, mentakrifkan laras bahasa sebagai variasi bahasa yang digunakan oleh setiap pengguna bahasa berdasarkan cara penggunaan berbagai-bagai jenis variasi bahasa dan pilihannya dalam waktu-waktu yang berlainan. Istilah laras bahasa tersebut digunakan untuk membezakannya dengan konsep dialek yang merupakan sesuatu jenis variasi tertentu menurut pengguna bahasa dalam pengertian bahawa setiap pembicara menggunakan satu jenis variasi sepanjang masa.

Menurut Halliday (1978:31), laras bahasa pada hakikatnya ditentukan oleh tiga jenis situasi linguistik yang utama, iaitu apa yang berlaku, siapa yang berperanan serta dan apa bahagian daripada bahasa yang digunakan.

...varieties according to users (that is, varieties in the sense that each speaker uses one variety and uses it all the time) and varieties according to use (that is, in the sense that each speaker has a range of varieties and choose between them at different times). The variety according to user is a DIALECT; the variety according to use is a REGISTER (Halliday et.al, 1964:77).

Pentakrifan laras bahasa Halliday tersebut kemudian cenderung untuk menumpukan perhatian kepada struktur makna konteks. Laras bahasa ialah 'the set of meanings' atau sekumpulan makna, susunan pola semantik daripada struktur kata-kata yang digunakan dalam situasi. Dengan demikian, pengguna bahasa sentiasa dapat merasakan dan membezakan laras bahasa. Secara khususnya pengguna bahasa berkenaan dapat menyedari perbezaan laras bahasa melalui bentuk-bentuk tatabahasa dan kosa kata. Akan tetapi laras bahasa pada dasarnya bukanlah merupakan sesuatu bentuk keseluruhan konvensional tetapi merupakan sesuatu hasil daripada pemilihan makna menurut jenis kepelbagaian teks berkenaan (Halliday, 1978:111).

Untuk menganalisis konteks tersebut, Halliday membezakan tiga jenis aspek situasi bahasa, iaitu medan(Field) pemeran(Tenor) dan sarana(Mode). Berikut ini ialah ringkasan huraian tentang ketiga-tiga aspek tersebut.

1. Medan, perlakuan sosial : apa yang berlaku, hakikat perlakuan sosial yang berlaku : bidang di mana para peserta terlibat di dalamnya, yang mana bentuk-bentuk bahasa merupakan komponen asas.
2. Pemeran, struktur peranan : siapa yang terlibat, sifat para peserta, pelbagai status dan peranan para peserta: apakah jenis hubungan peranan yang berlaku di kalangan peserta-peserta, termasuk hubungan kekal dan sementara bagi suatu jenis atau yang berlainan, jenis-jenis peranan pertuturan yang mereka perlihatkan di dalam perbualan serta keseluruhan bentuk hubungan sosial yang penting dalam bidang yang mereka libati.
3. Sarana, organisasi simbolik : apa jenis bahasa yang digunakan, sesuatu yang para peserta jangkakan tentang peranan bahasa kepada mereka di dalam situasi tersebut:

organisasi simbolik teks, status yang ada padanya dan fungsinya di dalam konteks, termasuk medium yang digunakan (adakah dalam bentuk percakapan atau tulisan ataupun merupakan kombinasi kedua-duanya?) dan juga gaya retorik, apa yang diperoleh melalui teks berkenaan misalnya dalam kategori tertentu seperti bersifat meyakinkan, pendedahan, bersifat pengajaran dan sebagainya (Halliday, 1978:142-145).

Model konteks yang disarankan oleh Halliday tersebut pada hakikatnya bertepatan dengan model fungsi organisasi bahasa. Melalui serangkai kajian mengenai bahasa Inggeris dan bahasa China sejak tahun-tahun 50-an, Halliday memberi tumpuan kepada organisasi pemilihan makna dalam bahasa. Organisasi bahasa tersebut terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu metafungsi 'ideasional', interpersonal dan textual. Metafungsi ideasional merupakan sesuatu yang menyusun kenyataan di persekitaran kita (siapa yang melakukan apa kepada siapa, bila, di mana, kenapa, bagaimana). Metafungsi interpersonal mengorganisasi kenyataan sosial antara peribadi anggota masyarakat dalam pergaulan berkenaan (menyatakan pendapat, pertanyaan, suruhan; menyatakan keyakinan; menyatakan perasaan tentang sesuatu). Metafungsi yang ketiga, textual membuat makna-makna daripada kedua-dua metafungsi sebelumnya, iaitu ideasional dan interpersonal tersebut menjadikan teks tertentu. Dengan demikian teks tersebut baharu merupakan sesuatu yang bersifat koheren dan relevan (susunan, apa yang mendahului apa, apa yang didahului oleh apa; pronominalisasi, watak mana yang dinyatakan dengan cara bagaimana; apakah yang dinyatakan dengan implisit dan eksplisit).

Seperti yang dipaparkan di sini, huraian tentang ketiga-tiga metafungsi tersebut ada kaitan sejajar dengan model konteks. Makna ideational digunakan untuk membina medan (field; the social action), makna interpersonal dipakai untuk menyesuaikan pemeran (tenor; the role structure) dan makna tekstual digunakan untuk mengembangkan sarana (mode; symbolic organization). Hal ini dapat dirumuskan melalui rajah di bawah ini;

Jadual 1: Fungsi organisasi bahasa dalam hubungannya dengan pelbagai kategori dalam analisis konteks.

Metafungsi (organisasi bahasa)	Laras(register) (organisasi konteks)
Makna Interpersonal (pelbagai sumber interaksi)	Pemeran(tenor) (fungsi struktur)
Makna Ideasional (pelbagai sumber dalam pembentukan kandungan)	Medan(field) (perlakuan sosial)
Makna Tekstual (pelbagai sumber untuk organisasi teks)	Sarana(mode) (organisasi simbolik)

(Eggins & Martin, 1997: 239)

Dalam pada itu, suatu usaha untuk membezakan konsep laras bahasa dengan genre telah pun dibuat oleh Martin (1982:2). Walaupun pandangannya masih berlandaskan fahaman Halliday dalam hal mentakrifkan laras bahasa, namun Martin melangkah lebih jauh untuk menempatkan genre sebagai sesuatu bidang semiotik yang lebih luas daripada laras bahasa. Hal tersebut dapat difahami dalam dakwaan Halliday dan Martin (1993:37) yang menjelaskan bahawa *'social context is realized by language; at the level of social context,*

ideology is realized by genre, which is in turn realized by register'. Hal ini bererti bahawa penggunaan kedua-dua konsep, iaitu laras bahasa dan genre sebenarnya bertujuan untuk mencari cara penghuraian yang lebih luas tentang fungsi bahasa, iaitu hubungan bahasa dengan konteks sosial.

Kerangka teoretis semiotik sosial tersebut dapat merupakan cara pendekatan yang tepat untuk menyelidiki laras bahasa tajuk berita dalam surat khabar. Teori tersebut akan diguna pakai untuk mengkaji bahawa pada umumnya laporan berita merupakan suatu ciri utama laras bahasa. Begitu juga, laporan berita merupakan manifestasi sosial dan juga perlakuan sosial. Khususnya, tajuk berita mempunyai pola-pola bahasa tertentu yang tetap digunakan dalam surat khabar.

Selain itu, dalam kajian ini statistik juga digunakan untuk analisis struktural terhadap data terkumpul bagi menjelaskan lagi perbincangan sebelumnya. Analisis tersebut memperlihatkan ciri-ciri leksikal dan struktural tertentu dalam penulisan tajuk-tajuk berita dalam BH. Peratusan penggunaan unsur-unsur linguistik dapat menjadi bahan rujukan untuk mengenal pasti ciri-ciri laras bahasa tajuk berita.

1.5. Kaedah Kajian

Pada umumnya kajian ini bertujuan untuk menganalisis laras bahasa, khususnya mengenai ciri-ciri khas tajuk berita yang terdapat dalam akhbar BH. Bahasa tajuk berita di dalam surat khabar, pada umumnya dapat mencerminkan tanggapan tentang maksud atau pengertian yang mungkin kita alami dalam dunia kehidupan di sekeliling kita. Gambaran abstrak tentang realiti tersebut akan diterjemahkan melalui pelbagai sistem lambang atau kod tertentu serta juga pelbagai gaya atau teknik

yang tersendiri. Untuk kajian ini, bahan kajian yang digunakan untuk dianalisis terdiri daripada tajuk-tajuk berita yang terdapat di dalam surat khabar BH. Tajuk-tajuk berita yang tersiar dalam BH untuk tempoh tertentu, iaitu dari tahun 1996 hingga 1997 dikumpul untuk dianalisis.

Selain daripada penerapan kerangka teori semiotik sosial, kajian tentang ciri-ciri khas dalam tajuk berita ini juga turut dilakukan melalui kaedah perpustakaan. Dengan kata lain kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan antara disiplin (*interdisciplinary*) untuk melihat bagaimana tajuk-tajuk berita dapat berfungsi sebagai suatu gambaran tentang realiti yang terdapat di dalam laporan berita dalam surat khabar. Penggunaan pendekatan-pendekatan sedemikian terhadap kajian bahasa adalah tidak salah malah merupakan suatu aspek keseimbangan aturan, terutama dalam hal kita menganggap kedua-dua pendekatan tersebut sebenarnya merupakan bahagian penting terhadap penyatuan seluruhnya. Pendapat di bawah ini menjelaskan keperluan gabungan teori-teori tersebut. Hal ini diperjelaskan lagi melalui pandangan berikut;

Beraneka ragam bentuk dan fungsi bahasa manusia tidak boleh diperjelas dengan selengkapnya tanpa diberikan tumpuan terhadap wujudnya hubungan langsung antara bahasa dengan konteks sosial. (Terjemahan penulis, Kress and Hodge, 1979:13).

Hal ini sebenarnya sangat berfaedah untuk menunjukkan bahawa tidak terdapat keperluan pola pembahagian yang ekstrem dalam pemilihan pendekatan kajian. Dalam hal ini, salah satu matlamat seperti yang disarankan di dalam kajian ini ialah usaha mengubah sikap atau pandangan tentang perkara tersebut. Kita tetap berpegang pada pendapat bahawa sebenarnya tidak ada percanggahan tindakan, sebaliknya yang terlibat ialah penggabungan pelbagai pendekatan. Oleh sebab itu, kajian

ini menunjukkan kelebihanannya dan ia sangat berguna bagi peminat atau pengkaji bahasa yang ingin berkongsi pengalaman dengan disiplin-disiplin lain yang berkaitan dengan ilmu linguistik.

Penelitian terhadap analisis bahasa tajuk berita ini dibuat selaras dengan pandangan Ure dan Ellis berhubung dengan kajian laras bahasa. Dalam mengkaji laras bahasa, menurut Ure dan Ellis, dua faktor utama harus diberi pertimbangan, iaitu (1) ciri-ciri kontekstual tentang peristiwa bahasa yang berlaku dan (2) ciri-ciri linguistik (Ure dan Ellis, 1977).

Ciri-ciri kontekstual adalah berkaitan dengan aspek bukan linguistik. Dalam hal ini, Ure dan Ellis berpendapat perkara tersebut dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu situasi luaran dan situasi persekitaran. Situasi luaran adalah berkait rapat dengan latar belakang serta kebudayaan sesuatu masyarakat bahasa yang di dalamnya terangkum struktur sosial dan keseluruhan cara hidup yang menentukan perlakuan anggota masyarakat. Sedangkan situasi persekitaran pula mencakupi aspek-aspek yang terlibat secara langsung dalam penggunaan bahasa seperti cara penyampaian, perhubungan sosial dan peribadi ahli-ahli yang berinteraksi, bahan yang diperkatakan serta fungsi-fungsi sosial bahasa.

Analisis tajuk-tajuk berita yang dilihat dari aspek bukan linguistik dilakukan bagi menjelaskan beberapa teknik tertentu seperti penggunaan unsur metafora daripada aspek retorik tajuk berita. Kerangka teori semiotik sosial, terutama sekali yang kemukakan oleh Halliday akan diguna pakai dalam penelitian tersebut.

Di samping itu, aspek penggunaan atau penulisan tatabahasa dan leksikal juga merupakan dua aspek penting yang dapat menentukan ciri laras bahasa. Analisis dari aspek linguistik tersebut tetap dilakukan untuk memperlihatkan ciri-ciri khas daripada pola bahasa dalam penulisan tajuk berita dalam BH.

Kesimpulannya penelitian terhadap ciri-ciri tersebut akan ditinjau dari beberapa dimensi, iaitu (1) faktor sosial seperti latar belakang dan hubungan antara pengguna bahasa dan tajuk pembicaraan dan (2) perubahan sifat-sifat bahasa itu sendiri yang antara lainnya meliputi aspek wujud atau tidak sesuatu unsur tertentu, kekerapan kehadiran dan susunan struktur tertentu termasuklah unsur penggunaan dan pemilihan leksikal. Selain itu, kajian juga tertumpu kepada analisis bentuk-bentuk linguistik lain, antaranya melibatkan aspek nahu dan ciri-ciri khas nahu tajuk berita.

1.6. Tinjauan Kajian Lalu

Kajian mengenai laras bahasa mula dipelopori di kalangan penyelidik tempatan pada awal tahun-tahun 80-an antaranya pernah dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1981) dan Nik Safiah Karim (1982). Melalui serangkaian penelitian masing-masing kedua-dua pakar tersebut telah pun menyedarkan kita betapa pentingnya kedudukan laras bahasa dan kajiannya dalam bidang ilmu bahasa. Secara khususnya, Asmah telah menjalankan serangkaian penelitian terhadap laras bahasa dalam berbagai-bagai bidang, antara lain penggunaan bahasa dalam surat rasmi (1983), laras bahasa iklan perniagaan (1984), penggunaan bahasa dalam borang (1985a), laras bahasa istana (1985b), laras bahasa saintifik (1987), dan bahasa laporan (1988). Menurut Asmah (1984:46), laras ialah kelainan atau variasi bahasa yang digunakan mengikut disiplin ilmu yang berbeza-beza.

Kajian tentang bahasa media melibatkan berbagai-bagai bidang atau disiplin ilmu. Kajian ini bergantung kepada kecenderungan terhadap bidang tertentu yang hendak dikaji, antaranya termasuk bidang linguistik

(khususnya linguistik kritis atau linguistik stilistik), sociolinguistik, bidang analisis wacana, bidang semiotik, kajian komunikasi, sosiologi dan psikologi sosial.

Secara khususnya, bagi ahli sosiologi bahasa, media merupakan salah satu institusi pembentukan bahasa dalam masyarakat, seiring dengan bidang pendidikan dan juga pemerintah. Oleh itu, mereka sering mengajukan pertanyaan berhubung dengan peranan bahasa media dalam masyarakat.

- 1) Bagaimana penggunaan sesuatu bahasa dalam media dapat mempengaruhi kelompok-kelompok di dalam masyarakat?
- 2) Bolehkah media mencapai matlamat melakukan perancangan bahasa dalam sesuatu masyarakat?

Mereka yang berkecimpung dalam bidang kajian bahasa media secara keseluruhan cuba memberi jawapan terhadap perkara-perkara tersebut melalui kajian mereka dari sudut pandangan masing-masing, antaranya dilihat dari sudut etnografi (Hymes:1974), sosiologi (Goffman:1981), sociolinguistik (Platt and Platt:1975), pragmatik (Thomas:1986) dan analisis wacana (Tannen:1988) (kutipan daripada Allan Bell: 1991:33).

Pakar-pakar sociolinguistik pula cenderung membuat tanggapan bahawa bahasa media merupakan proses pemerian makna semula melalui pengolahan yang dilakukan terhadap data bahasa. Walau bagaimanapun, perubahan gaya penyampaian dapat diperhatikan dengan ketara berbanding dengan yang terdapat dalam komunikasi sebenar secara bersemuka. Data mengenai ciri perubahan tertentu (seperti inisiatif, gaya metaforikal; dari dialek tempatan kepada bentuk gaya bahasa standard yang lebih berprestij seperti usaha mencapai persefahaman terhadap sesuatu pendapat semasa perbincangan dengan kawan-kawan atau ahli keluarga) sukar dikumpul,

terutama dalam konteks ketiadaan definisi yang jelas dan juga hal-hal yang tidak diduga.

Sementara itu, bagi bidang semiotik, bidang analisis budaya dan bidang pengajian komunikasi, masing-masing berusaha memberikan perhatian yang mendalam terhadap mesej-mesej tertentu yang terkandung dalam bahasa.

Sementara itu, bagi pakar psikologi sosial, mereka lebih menekankan hal mengenai sikap masyarakat terhadap bahasa atau maksud yang hendak disampaikan oleh seseorang individu atau kelompok semasa berinteraksi dengan yang lain.

Dari sudut linguistik, wacana cenderung memberi tumpuan kepada bahasa dan penggunaannya. Pada tahun-tahun kebelakangan ini dapat diperhatikan bahawa terdapat peningkatan penyatuan yang konstruktif terhadap dua tradisi tersebut (Boyd-Barret, 1994:23).

Berhubung kait dengan dakwaan tersebut, analisis yang telah dilakukan dalam kerangka 'Linguistik Kritis' (Critical Linguistics) (e.g. Roger Fowler, R. Hodge, G. Kress and T. Trew, 1979, Kress and Hodge, 1979) agak memberangsangkan tetapi masih kurang memuaskan. Untuk mengisi kelemahan atau kekurangan yang terdapat sebelumnya, pendekatan yang dikenali sebagai 'Critical Discourse Analysis' (CDA) merupakan suatu perkembangan yang dicapai. Pendekatan CDA ialah hasil daripada kerja penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik British dan Australia mengenai Linguistik Kritis (Critical Linguistics), terutama Fowler dan Kress, seiringan dengan pendekatan kajian yang telah dijalankan oleh penganalisis wacana berbangsa British, Fairclough (1993) dan ahli linguistik Belanda yang terlibat dalam bidang kajian teks, van Dijk (1988). CDA telah menghasilkan sejumlah besar hasil penyelidikan mengenai wacana media di sekitar tahun-tahun 1980-an dan

1990-an, dan hasil kajian tersebut telah menjadi kerangka panduan penting dalam bidang penyelidikan teks media, terutama di kalangan ahli-ahli linguistik Eropah dan dalam bidang kajian wacana (Allan Bell, 1998:5-6).

CDA mempunyai agenda sosiopolitik yang eksplisit, yang memberi tumpuan ke arah mengenal pasti dan membuktikan ketidakseimbangan hubungan kuasa yang menjadi asas mengenai aturan atau kaedah komunikasi dalam sesuatu masyarakat. Selain itu juga, CDA memperlihatkan peranan wacana dalam menghasilkan semula ataupun menentang pengaruh sosiopolitik.

1.7. Definisi dan Huraian Istilah

Jenis-jenis bahasa menurut Halliday (1968) dapat dilihat dari dua aspek, iaitu pengguna dan penggunaan. Dari sudut pengguna, bahasa adalah berkait rapat dengan orang yang menggunakan bahasa, sedangkan bahasa dari sudut penggunaan pula merujuk kepada bahasa yang digunakan bersesuaian dengan keadaan sewaktu penggunaan bahasa itu (Nik Safiah Karim, 1981).

Dari segi hubungan fungsi bahasa dengan masyarakat, Halliday (1976) telah menggariskan suatu kerangka teori semiotik sosial yang menggariskan tujuh fungsi penting, iaitu fungsi instrumental, pentertib, interaksional, personal, heuristik, imaginatif dan informatif.

Dalam menganalisis ciri-ciri khas bahasa tajuk berita, aspek laras merupakan sebahagian daripada unsur yang akan dibahaskan. Bagi memahami dengan lebih dekat tentang konsep laras yang menjadi sebahagian daripada analisis tentang ciri-ciri khas tersebut maka beberapa

pengertian laras yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji terdahulu akan dikemukakan.

Menurut Halliday (1968), laras merupakan suatu bentuk variasi bahasa yang digunakan mengikut situasi dan fungsi tertentu. Hal tersebut dijelaskan seperti berikut;

Language varies as its functions varies: it differs in different situations. The name given to a variety of language distinguished according to its use is register.

Mengikut Ure dan Ellis (1977) pula, laras merupakan sejenis pola penggunaan bahasa yang lazim digunakan dalam situasi tertentu. Perhatikan kenyataan di bawah ini;

Register is a certain kind of language patterning regularly used in a certain kind of situation.

Selain itu, Peter Trudgill (1974) menjelaskan pengertian laras sebagai suatu pola bahasa yang khusus wujud daripada situasi sosial. Perhatikan kenyataan beliau di bawah;

Registers are simply a rather special case of a particular thing of language being produced by social situation.

Berdasarkan beberapa penjelasan tentang pengertian laras tersebut, maka dapatlah dikatakan bahawa perkara yang menjadi pokok persoalan laras sebenarnya adalah berkaitan dengan pemilihan suatu gaya bahasa ataupun pemilihan variasi bahasa yang sesuai dengan konteks pengguna dan penggunaannya. Dengan kata lain, laras merupakan pemilihan bentuk pilihan pola-pola yang terdapat di dalam suatu sistem bahasa tertentu bertujuan mencapai matlamat keperluan semasa.

Pada umumnya aspek laras amat penting kerana berhubung rapat dengan dimensi masa dan sosial. Sebagaimana ditegaskan oleh Halliday (1968) penggunaan laras yang tidak bertepatan dengan dimensi masa dan sosial dianggap suatu kesalahan yang tidak sewajarnya dilakukan oleh pengguna bahasa. Pemilihan perkataan-perkataan yang tidak sesuai dengan sesuatu laras atau mencampuradukkan perkataan mungkin menyebabkan penggunaan bahasa tersebut tidak harmoni dan menjadi janggal. Oleh yang demikian, kajian ini nanti penting untuk menganalisis dan mengetahui maksud perkataan yang digunakan di dalam tajuk berita serta situasi penggunaan perkataan tersebut sama ada sesuai ataupun sebaliknya.

1.8 Rumusan

Analisis ciri-ciri pola bahasa dalam tajuk berita khususnya tajuk-tajuk berita di dalam surat khabar BH merupakan fokus utama kajian ini. Untuk menyelidiki dan menghuraikan ciri-ciri khas tajuk berita, cara pendekatan antara disiplin, iaitu gabungan teori linguistik dan bukan linguistik akan digunakan untuk memperlihatkan ciri-ciri pola bahasa dalam penulisan tajuk-tajuk berita tersebut.